

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.06.2014**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai keuntungan atau kerugian sebelum cukai, selepas cukai dan terkumpul kesemua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mengikut bidang dari tahun 2008-2013.

**JAWAPAN**

uan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun kewangan 2013, hanya dua (2) daripada 17 Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

utama di bawah Program Transformasi GLC atau G20 yang mengalami kerugian sebelum cukai iaitu Malaysian Airline System Bhd sebanyak RM1.153 bilion dan Malaysian Resources Corporation Bhd. sebanyak RM110 juta. Manakala lain-lain syarikat GLC telah menunjukkan keuntungan. Ringkasan prestasi kewangan dari aspek keuntungan atau kerugian sebelum dan selepas cukai syarikat GLC dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berlampir.